

11/08/2000

Malaysia jadi negara contoh kepada Sudan

Nazar Abdul

DI sana-sini, masyarakat antarabangsa terus memperkatakan mengenai Malaysia. Kejayaannya dijadikan model ikutan sambil pengalamannya mahu dikongsi dalam merealisasikan harapan mengorak langkah ke arah kemajuan.

Seorang pensyarah Universiti Islam Antarabangsa (UIA), Prof Bersekutu Dr Awad Ibrahim Awad, 45, turut menyifatkan Malaysia sebagai contoh bagi negaranya, Sudan.

Beliau yang sudah 10 tahun berkhidmat di negara ini yakin jika kerajaan Sudan berusaha bersungguh-sungguh mencontohi Malaysia, negara itu akan muncul sebagai sebuah negara termaju di Afrika.

"Ketika ini pun sudah nampak kejayaan Sudan dalam bidang politik, ekonomi dan sosial setelah mencontohi Malaysia dalam beberapa bidang tertentu," katanya dalam satu temu bual.

Menurutnya, Sudan kini menikmati keadaan politik yang stabil kerana sudah wujud keamanan yang diinginkan hingga membolehkan pelbagai kegiatan ekonomi dan perindustrian dipertingkatkan.

Dalam keadaan seperti ini, pelaburan asing termasuk dari Malaysia, terus meningkat dan ia membantu menjana pertumbuhan ekonomi yang sangat pesat.

"Jika keadaan ini berterusan, Sudan boleh mengharapkan masa depan yang sangat cemerlang seperti yang dinikmati oleh Malaysia," katanya.

Kekaguman Dr Awad terhadap pencapaian Malaysia bermula sejak beliau datang ke negara ini pada 1990 untuk mengajar Bahasa Arab di UIA. Selepas lima tahun, beliau melanjutkan pelajaran untuk mengambil ijazah doktor falsafah (Phd) di Universiti Malaya (UM) selama tiga tahun dalam bidang sebaran am.

Beliau yang kini pensyarah Jabatan Komunikasi UIA menggalakkan rakan senegarannya mengikuti kursus Phd di mana-mana universiti di Malaysia kerana pembiayaannya lebih murah sambil sukatan pelajarannya pula setanding dengan universiti di Amerika Syarikat atau Eropah.

Kini semakin ramai lulusan kedoktoran dari Sudan sudah bertukar haluan dari Amerika dan Eropah ke Malaysia untuk melanjutkan pelajaran hingga peringkat Phd kerana negara ini menawarkan banyak keistimewaan.

Menurut Dr Awad, kekagumannya terhadap Malaysia membuatnya sentiasa berusaha untuk memberitahu rakyat Sudan, terutama rakan-rakannya, mengenai pencapaian negara ini dalam pelbagai bidang.

"Saya menganggap Malaysia sebagai syurga dunia yang perlu diketahui dan dilawati oleh rakyat Sudan untuk mendapat manfaat daripadanya," katanya.

Daripada 40 negara yang sudah dilawatinya, Malaysia didapati sangat menarik dengan keindahan alam semula jadinya, penduduknya yang berbilang kaum hidup aman damai dan kegiatan ekonomi serta industrinya sangat maju.

Beliau juga meramalkan Malaysia bakal muncul sebagai sebuah negara maju dan kuasa besar yang penting di dunia berdasarkan kemajuan dan pencapaian cemerlangnya dalam pelbagai bidang.

Dr Awad menyalurkan pelbagai bahan dan maklumat mengenai Malaysia kepada radio dan televisyen Sudan untuk dihebahkan ke seluruh negara itu.

Adakalanya Dr Awad sendiri menjadi penyampai maklumat itu melalui beberapa rancangan khas mengenai Malaysia, termasuk mengenai peluang pelaburan, perniagaan, kebudayaan, pendidikan dan pelancongan.

Ada juga penerbit rancangan radio dan televisyen yang menelefonnya terus di Kuala Lumpur untuk mendapatkan penerangan secara langsung mengenai sesuatu perkara di Malaysia.

Hasil daripada rancangan ini, ramai rakyat Sudan mengunjungi Malaysia

sebagai pelancong dan bakal pelabur untuk mengetahui secara lebih dekat mengenai negara ini dan penduduknya.

Presiden Sudan, Omar Hasan Ahmed al-Bashir, dan beberapa menteri Kabinetnya sudah beberapa kali membuat lawatan ke Malaysia untuk menjalin hubungan dua hala serta meningkatkan kerjasama dalam pelbagai bidang.

Kini beberapa syarikat besar Malaysia, termasuk Petronas Carigali, sudah melabur di negara itu dalam bidang petroleum, perhotelan, perladangan, hartanah dan pelancongan.

Kemasukan pelabur Malaysia memberi sumbangan besar kepada pembangunan Sudan hingga negara itu kini menikmati pertumbuhan ekonomi yang sangat pesat dan pelbagai rancangan pembangunan yang lain sedang giat dilaksanakan.

Perubahan pesat sosioekonomi Sudan membuat ramai cerdik pandai dan ahli profesional negara itu kembali ke tanah air untuk menyertai pelbagai bidang ekonomi dan pembangunan.

Keadaan ini segera mengubah Sudan daripada sebuah negara mundur kepada negara yang sedang pesat membangun.

Pada masa ini, rundingan dijalankan antara pihak terbabit di Sudan dan Malaysia untuk membawa masuk kereta Proton dan beberapa model terbaru ke negara itu.

Mengenai rancangan masa depannya, Dr Awad berharap beliau dapat tinggal empat atau lima tahun lagi di negara ini dan mempergiatkan usaha mempromosi Malaysia dan meningkatkan hubungan kerjasama Malaysia-Sudan.

Beliau kini tinggal bersama isteri, Afafa El-Mekki, 40, dan empat anak lelaki mereka, Mohamad, 12, Mazin, 10, Mutaman, 8, dan Mihyar, 6. Mutaman dan Mihyar dilahirkan di Malaysia.

Di samping melakukan kerja promosi untuk Malaysia, Dr Awad juga membuat penterjemahan beberapa buku tulisan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ke dalam bahasa Arab untuk diedarkan di Sudan dan beberapa negara Timur Tengah.

Antara buku yang sudah siap diterjemahkan ialah 'The Challenge' dan kini beliau sedang menyiapkan sebuah lagi buku, iaitu 'Islam The Misunderstood Religion'.

(END)